



TINDAKAN FAKULTI/INSTITUT/PUSAT

BAGI SEMESTER 2, SESI AKADEMIK 2025/2026



1



Mendapatkan senarai pelajar yang masih belum mendaftar tesis melalui:

SMP Pendaftaran → Laporan dan Analisis →
Senarai Pelajar Tidak Mendaftar Tesis.

2



Melaksanakan pendaftaran tesis/disertasi bagi pelajar yang masih belum berdaftar melalui:

SMP → Pendaftaran →
Pendaftaran Tesis/Disertasi Semester.

3



Memastikan semua penyelia utama/bersama atau Pengerusi/Ahli Jawatankuasa Penyeliaan melengkapkan penilaian Laporan Kemajuan Calon (LKC) dalam tempoh



6 JULAI HINGGA 9 OGOS 2026

untuk diperakukan di Mesyuarat Jawatankuasa
Pemeriksa Fakulti/Institut/Pusat (MJKP).



Penilaian ini adalah **WAJIB** bagi semua pelajar, khususnya pelajar antarabangsa, kerana kegagalan penyelia mengemukakan penilaian LKC boleh menjejaskan proses pembaharuan visa pelajar berkenaan.

4



Mengemukakan maklumat penyelia yang telah bersara atau tamat kontrak kepada

zaimi@ukm.edu.my

selewat-lewatnya sebelum tarikh akhir penilaian LKC bagi tujuan pengaktifan semula ID sistem untuk membolehkan penilaian LKC dilaksanakan.



5



Memaklumkan tarikh sebenar Mesyuarat Jawatankuasa
Pemeriksa (MJKP) kepada pihak Akademik UKM bagi
tujuan penyelarasan kehadiran wakil mesyuarat.

Sila rujuk surat bertarikh 11 Jun 2026 berkaitan Cadangan
Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa
Fakulti/Institut/Pusat bagi Semester 2, Sesi Akademik 2025/2026.



Kerjasama dan tindakan proaktif semua pihak amat dihargai
demi kelancaran proses akademik dan kebajikan pelajar.

Terima kasih.

